

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**2023**

**HARI SELASA : 4 APRIL 2023**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.**

**MOHAMED HANIFFA BIN HJ.**

**ABDULLAH**

**TARIKH**

**4 APRIL 2023**

**PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyokong dan menggalakkan ekosistem perkhidmatan dialisis swasta untuk meringankan beban kewangan Kerajaan memandangkan situasi Malaysia sekarang menduduki tangga teratas dalam peningkatan penghidap diabetes dalam kalangan masyarakat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menyokong dan menggalakkan ekosistem pusat dialisis swasta bagi menampung peningkatan pesakit kegagalan buah pinggang tahap akhir yang memerlukan rawatan dialisis.
2. Antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan meningkatkan bilangan rujukan pesakit dari fasiliti kesihatan KKM untuk mendapatkan rawatan dialisis di pusat dialisis swasta merangkumi pesakit dengan kelayakan berikut:
  - (a) pesakit yang mempunyai sumber pembayar, contohnya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), PERKESO dan Pusat Zakat,
  - (b) pesara perkhidmatan awam yang telah diberikan kemudahan mendapatkan tuntutan peruntukan bagi membiayai rawatan daripada Kumpulan Wang Amanah Diperbadankan (KWAP).
  - (c) pesakit yang kurang mampu, di mana pusat dialisis swasta yang memberi rawatan kepada pesakit kategori ini akan menerima bayaran subsidi hemodialisis sebanyak RM100 untuk seorang pesakit bagi setiap bilangan rawatan. Pembayaran bagi suntikan erythropoietin sebanyak RM18.50 setiap kali suntikan, dengan jumlah maksimum yang diluluskan adalah 3 suntikan seminggu turut diberikan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain itu, Kawalan dan kawalseliaan ke atas fasiliti kesihatan swasta, termasuk pusat hemodialisis swasta (PHS) dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturannya semenjak tahun 2006.
5. Secara dasarnya, KKM sentiasa menyokong perkembangan industri kesihatan swasta, termasuklah penubuhan PHS. Ini dibuktikan melalui data yang menunjukkan peningkatan bilangan PHS pada setiap tahun. Data sehingga 31 Disember 2022 menunjukkan terdapat 686 PHS berlesen bawah Akta 586 (iaitu peningkatan sebanyak 6.2%), berbanding 646 pada tahun sebelumnya dan dipercayai statistik ini dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa.
6. Antara usaha yang turut dilaksanakan oleh Kementerian dalam menyokong dan menggalakkan ekosistem perkhidmatan dialisis swasta melalui penguatkuasaan Akta 586 adalah:
  - (a) Mengadakan sesi libat urus yang berterusan dan berkala dari semasa ke semasa bersama pemegang taruh / pemohon PHS dan juga agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap perkhidmatan dialisis di Malaysia, seperti *Malaysian Society of Nephrology (MSN)*; dan

**NO SOALAN: 10**

- (b) Penguatkuasaan keperluan peruntukan Akta 586 bagi memastikan taburan seimbang penubuhan PHS dalam sesuatu kawasan dengan cara mengenalpasti kapasiti dan keperluan PHS sedia ada serta keperluan masa hadapan bagi penubuhan PHS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU**  
**HANIFAH**  
**TARIKH : 4 MAC 2023**

**DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menghapus monopoli Touch 'n Go dan membenarkan penggunaan kad debit bagi urusan pembayaran tol.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Perjanjian antara PLUS Malaysia dan Touch ‘n Go Sdn Bhd (Touch ‘n Go) tidak melanggar sebarang prinsip dan undang-undang persaingan. Meskipun begitu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) selaku *competition watchdog* sentiasa memantau tindakan-tindakan yang diambil oleh Touch ‘n Go bagi memastikan Touch ‘n Go tidak melalukan sebarang perkara yang melanggar kedudukan dominannya seperti yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengkehendaki semua syarikat konsensi lebuh raya untuk melaksanakan sistem pembayaran elektronik pada tahun 2017, ini telah menjadikan Touch ‘n Go menjadi syarikat monopoli dalam sistem pembayaran tol di Malaysia secara semulajadi tambahan lagi apabila kesemua syarikat konsensi lebuhraya menggunakan perkhidmatan Touch ‘n Go.

Berdasarkan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), adalah tidak menjadi satu pelanggaran atau kesalahan di bawah Akta 712 apabila sesebuah perusahaan mendominasi atau memonopoli mana-mana pasaran. Namun, dalam seksyen 10 Akta 712, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), dengan izin Yang diPertua, sebagai *competition watchdog*, mempunyai ruang untuk menjalankan penyiasatan sekiranya pihak MyCC mendapati terdapat tuduhan penyalahgunaan kuasa dominan atau monopoli dalam pasaran.

## **NO SOALAN: 11**

Kementerian Kerja Raya pada bulan Oktober 2022 telah mengumumkan tentang pelan kerajaan untuk melaksanakan *multi-lane free flow system* (MLFF) menjelang tahun 2025. Melalui pelaksanaan MLFF ini, pengguna lebuh raya dapat menggunakan sebarang bentuk pembayaran digital dan kad debit serta kad kredit. Melalui pelaksanaan MLFF ini kelak, pemonopolian oleh Touch ‘n Go dalam pembayaran tol tidak akan lagi wujud.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN RINA SARIMAH ANAK**  
**PATRICK INSOL**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**PUAN RINA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membangunkan semula sektor pelancongan di Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong antarabangsa ke negara kita dalam tempoh pemulihan dan stabiliti pasca COVID-19 ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama-sama penggiat industri telah menambahbaik pelan pemulihan sedia ada dan membangunkan Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan 2.0 atau TRF 2.0 yang menggariskan rangka tindakan komprehensif bagi menentu ukur dan membangunkan semula industri pelancongan agar lebih kukuh dan lebih berdaya tahan (*resilient*) di samping menyumbang kepada pembangunan keseluruhan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup secara mampan (*sustainable*). Pelan ini merupakan strategi utama kementerian bagi tempoh jangka pendek dan sederhana serta menyokong Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030. Ia telah menggariskan lima (5) tonggak strategi iaitu:

Tonggak 1 : Menyokong Pemulihan Perniagaan Pelancongan dan Kebudayaan;

Tonggak 2 : Memulihkan Keyakinan Pelancong dan Perjalanan Antarabangsa dan Intra-Rantau yang Lancar;

Tonggak 3 : Mencipta Semula Produk/ Perkhidmatan Pelancongan dan Kebudayaan Bagi Memacu Daya Saing;

Tonggak 4 : Menyelaraskan Pelancongan Dengan Kemampunan dan Keterangkuman; dan

Tonggak 5 : Memperkuuh Pemulihan Dengan Ketahanan Jangka Panjang dan Kesediaan Menghadapi Krisis.

2. MOTAC mensasarkan masa depan pelancongan yang seimbang iaitu bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi malah memberikan manfaat sosio-ekonomi kepada semua tanpa meninggalkan sesiapa pun. Pada masa yang sama juga melindungi, memelihara dan memulihara alam semula jadi, budaya dan warisan negara demi kepentingan generasi kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L**  
**RENGANATHAN**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai isu penyelarasan kursus-kursus TVET dan kursus-kursus akademik mengikut satu kaedah yang boleh difahami oleh masyarakat umum. Umpamanya, adakah Tahap 3 TVET sama dengan Tahap 3 MQA dan adakah kursus-kursus ini akan mendapat pengiktirafan yang sama oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) merupakan instrumen yang digunakan bagi mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan antarabangsa.
2. MQF ini dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang bertujuan menjelaskan tahap pembelajaran, hasil pembelajaran dan sistem kredit yang berdasarkan beban pembelajaran pelajar.
3. MQF menjadi rujukan yang menjelaskan dan menyelaras kelayakan kebangsaan yang dianugerahkan antara sektor akademik dan sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).
4. Lapan tahap yang terkandung dalam MQF ini adalah Tahap 1-3 (Sijil), Tahap 4 (Diploma), Tahap 5 (Diploma Lanjutan), Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda), Tahap 7 (Ijazah Sarjana) dan Tahap 8 (Ijazah Kedoktoran).
5. Merujuk kepada MQF, sektor TVET pada masa ini merangkumi penganugerahan kelayakan hingga ke Tahap 6 dan sektor akademik pula hingga ke Tahap 8.

## NO SOALAN: 13

6. Secara umumnya, kelayakan berdasarkan tahap penganugerahan ini adalah setara antara sektor akademik dan sektor TVET sebagaimana yang diperjelaskan dalam kerangka tersebut.
7. Berhubung kesamaan Tahap 3 TVET dengan Tahap 3 MQA, program Tahap 3 TVET seperti yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti, Pusat Bertaualiah, Institut Kemahiran Awam dan lain-lain institusi termasuk Institut Pendidikan Tinggi Swasta pada umumnya adalah setara dengan Tahap 3 Akademik di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang dibangunkan oleh MQA.
8. Berdasarkan Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) dan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) pula, kelayakan Tahap 3 TVET dan Tahap 3 Akademik yang diakreditasi adalah layak dan diiktiraf oleh kerajaan bagi tujuan lantikan ke dalam Perkhidmatan Awam dan disesuaikan mengikut Skim Perkhidmatan dalam bidang, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.
9. Antara bidang pekerjaan yang boleh diterokai oleh graduan program Tahap 3 TVET adalah:
  - i. Mekanik;
  - ii. Seni Muzik;
  - iii. Peniagaan dan Kewangan;
  - iv. Hospitaliti dan Pelancongan;
  - v. Pertanian dan Asas Tani; dan
  - vi. Pelbagai bidang lain mengikut kesesuaian.

**NO SOALAN: 13**

10. Kelayakan Tahap 3 TVET juga boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya program di peringkat Diploma dengan pindahan kredit sebanyak maksimum 30 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) bilakah (termasuk status) pihak polis akan mula menggunakan kamera badan bagi kegunaan anggota Unit Rondaan Bermotosikal dan kenderaan pelbagai guna; dan
- (b) adakah terdapat sebarang langkah dalam memastikan setiap bilik siasatan, lokap dan premis PDRM yang berurusan dengan orang ramai dan orang yang disyaki dilengkapi dengan kamera litar tertutup.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk perolehan kamera badan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2021 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bagi kegunaan penugasan harian anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kamera badan ini akan digunakan oleh anggota PDRM yang bertugas di lapangan terutama bagi Unit Kereta Peronda Polis (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal Polis (URB) serta rondaan jalanan polis di 157 buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) seluruh negara. Sejumlah 7,648 unit kamera badan dirancang untuk diperolehi dengan anggaran harga di antara RM2,000 hingga RM2,500 seunit.

**Tuan Yang Di Pertua,**

- (b) Secara keseluruhannya, semua lokap PDRM telah dilengkapi dengan kemudahan kamera litar tertutup (CCTV) melalui kaedah berikut:-
- i. Pembangunan baharu IPD dan Balai Polis;
  - ii. Kontrak sewaan CCTV lokap berpusat; dan
  - iii. Kontrak sewaan 5 zon (Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak).

## **NO SOALAN: 14**

Perancangan hadapan PDRM untuk memasang CCTV keselamatan yang merangkumi perimeter, stor barang kes, stor senjata api, pejabat inkuiri, bilik soal siasat dan lain-lain kawasan sensitif telah dipohon melalui RMK12 RP3 dan RMK12 RP4.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN**  
**YAHAYA**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pihak DBKL memantau harga jualan makanan dan minuman yang ditawarkan oleh penyewa-penyewa gerai, sedangkan kini terdapat harga makanan yang dijual di gerai hampir sama dengan harga yang ditawarkan oleh pihak restoran yang terpaksa menanggung kos sewa yang lebih tinggi berbanding dengan penyewa gerai yang hanya membayar sewa nominal atau lebih murah daripada DBKL.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya melesenkan peniaga dan pelesen perlu mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pengawalan harga jualan adalah di luar bidang kuasa DBKL. Namun begitu, DBKL saling bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti *Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup* (KPDN) dalam memantau kawalan harga bahan mentah seperti yang ada di pasar / pusat beli-belah (*supermarket*) di sekitar Kuala Lumpur.
  
2. Bagi pemantauan isu kenaikan harga jualan makanan di gerai-gerai atau penjaja-penjaja di sekitar Kuala Lumpur, DBKL menggalakkan pengguna tampil melaporkan aduan secara terus kepada KPDN agar tindakan lanjut dapat diambil bagi melindungi hak pengguna dan masyarakat. KPDN telah menyediakan sembilan (9) saluran aduan kepenggunaan daripada pelbagai platform bertujuan meningkatkan tahap keberkesanan aduan seperti berikut :
  - (i) Aplikasi telefon pintar iaitu EzAdu;
  - (ii) Portal e-Aduan;
  - (iii) Talian Whatsapp (019-279 4317 / 019-848 8000)
  - (iv) Talian Hotline (1-800-886-800)

- (v) Emel ([e-aduan@kpdn.gov.my](mailto:e-aduan@kpdn.gov.my));
- (vi) Enforcement Command Centre (ECC);
- (vii) Bilik Gerakan Penguatkuasa Negeri;
- (viii) Hadir sendiri ke pejabat KPDN terdekat; dan
- (ix) Menulis surat kepada KPDN

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN**

**TARIKH**

**: 4 APRIL 2023**

**TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan serta usaha pihak Kementerian bagi mempromosi sektor pelancongan negeri Perlis serta adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membangunkan kembali Pekan Wang Kelian yang memiliki potensi yang sangat tinggi untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia sentiasa pro-aktif di dalam mempromosikan kepelbagaian destinasi dan produk menarik di Malaysia. Negeri Perlis yang terletak bersebelahan dengan Negara Thailand merupakan salah satu laluan penting bagi kemasukan pelancong dari Negara Thailand ke Malaysia. Negeri Perlis ditonjolkan sebagai sebuah destinasi “Instagrammable” selain sebagai destinasi persinggahan pelancong yang ingin meneruskan perjalanan ke Langkawi menaiki feri.
  
2. Pakej pelancongan menaiki keretapi bermula dari Padang Besar juga memberi limpahan pelancongan kepada penduduk setempat apabila ramai pelancong luar negara menjadikan Padang Besar sebagai kawasan persinggahan bagi mendapatkan makanan dan sebagai lokasi membeli belah. Selain itu, destinasi pelancongan Negeri Perlis turut dipromosikan di bawah kerangka kerja IMTGT (*Indonesia Malaysia Thailand – Growth Triangle*) yang mana setiap negara terlibat akan mempromosikan wilayah-wilayah di bawah IMTGT di negara masing-masing bagi menggalakkan pelancongan melangkaui sempadan di wilayah-wilayah ini. Ini sekaligus membuka peluang perniagaan dan pelancongan kepada penduduk Negeri Perlis khususnya dan juga kepada penduduk dari wilayah yang bersempadan dengan Negeri Perlis.

## NO SOALAN: 16

3. Pesta Angin Timur (PAT) merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Pelancongan Budaya (*Cultural Based Tourism*) untuk mempromosikan pelancongan melalui aktiviti seni budaya Perlis. Program anjuran MOTAC di bawah kelolaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis ini mula dilaksanakan sejak tahun 2011. Program yang dimeriahkan dengan pelbagai pengisian ini mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara selain membantu penjanaan ekonomi masyarakat setempat.
4. PAT 2023 telah dilaksanakan pada 3-5 Mac 2023 di Kampung Sungai Padang, Simpang Ampat, Perlis dengan kehadiran sebanyak 331,940 khalayak. Antara pengisian program yang berjaya menarik pengunjung adalah pertandingan sukan rakyat seperti menangkap itik, menggagau ikan, wau tradisional, bola jaring bendang dan teka berat padi. Selain itu, turut diadakan demonstrasi dan jerami ikon yang unik dan menarik sebagai lokasi bergambar. Program ini juga telah mencatatkan hasil jualan sebanyak RM 843,438.70 merangkumi jualan produk seni budaya, makanan tradisional, food truck dan lain-lain.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) (RP1, RP2 dan RP3), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak RM2,755,000.00 bagi melaksanakan sepuluh (10) projek kepada Negeri Perlis. Walau bagaimanapun, tiada sebarang projek pembangunan, penyelenggaraan mahupun peningkatan kemudahan pelancongan yang dilaksanakan oleh MOTAC bagi menaiktaraf prasarana di kawasan Pekan Wang Kelian di bawah peruntukan tersebut.

## **NO SOALAN: 16**

6. Sehubungan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu selaras dengan halatuju dan keutamaan Kerajaan Negeri Perlis melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Perlis bagi membantu menaiktaraf infrastruktur kemudahan pelancongan di kawasan Pekan Wang Kelian khususnya dan di Negeri Perlis amnya demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan secara berkala diberi perhatian yang sewajarnya selepas projek dilaksanakan dan diserahkan kepada Agensi Pemilik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN**  
**MOHAMAD**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan import makanan antaranya:

- (i) **perluasan penternakan secara fidlot dengan memberi tumpuan kepada pemerkasaan lembu pedaging** untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030 seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Selain itu, Kementerian akan memantapkan pusat kuarantine swasta untuk menampung tambahan import lembu hidup serta mengenal pasti pemain industri. Untuk jangka masa panjang, Kementerian akan memastikan pembangunan infrastruktur dan logistik industri ternakan fidlot ditambahbaik dan diselenggara;
- (ii) **melaksanakan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB)** yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak dan sewaan; dan

- (iii) **memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur** yang menyasarkan pengeluaran aquakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40. Sasaran pengeluaran aquakultur bagi tahun 2023 adalah sebanyak 480,000 tan metrik, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik.

Selain itu, Kementerian ini mengambil inisiatif untuk menghasilkan sumber alternatif bagi mengurangkan kebergantungan penuh kepada sumber import seperti yang dialami masa kini. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) **menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 600,000 tan metrik** yang dapat mengurangkan kebergantungan import bahan makanan ternakan sebanyak 30% menjelang tahun 2032. Dalam hal ini, program dan inisiatif dirangka melalui pengukuhan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara;
- (ii) **membangunkan bahan makanan ternakan alternatif seperti Black Soldier Fly (BSF) dan Palm Kernel Expeller (PKE) / Palm Kernel Cake (PKC);** dan
- (iii) **memperkasa industri benih tempatan** bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian.

## **NO SOALAN: 17**

Untuk makluman, terdapat komoditi makanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik antaranya disebabkan tidak ekonomik, faktor kesesuaian iklim serta kekangan sumber tanah dan tenaga kerja. Selain itu, permintaan pengguna turut mempengaruhi import makanan, kesan daripada pilihan gaya hidup dan peningkatan pendapatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING**

**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO DR. NUING JELUING** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah liputan pelaksanaan gaji minimum di seluruh negara dan apakah cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha memastikan majikan mematuhi pelaksanaan gaji minimum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Perintah Gaji Minimum 2022 telah **berkuat kuasa** mulai **1 Mei 2022** dengan **kadar gaji minimum RM1,500** sebulan untuk **semua sektor tanpa mengira wilayah** bagi majikan yang mengajikan lima (5) orang pekerja atau lebih, dan **tanpa mengira bilangan pekerja bagi majikan yang menjalankan suatu aktiviti professional** yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2020.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membuat keputusan untuk **melanjutkan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022** bagi majikan yang mengajikan **kurang lima (5) orang pekerja** daripada **1 Januari 2023 kepada 1 Julai 2023** di seluruh negara.
3. Bagi soalan kedua berkaitan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan dalam usaha memastikan Perintah Gaji Minimum dipatuhi menghadapi cabaran dalam memastikan pelaksanaan dasar gaji minimum 2022 dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, **Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732)** telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak untuk menjalankan penguatkuasaan berhubung pelaksanaan gaji minimum.

4. Antara aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh **Jabatan Tenaga Kerja** adalah **pemeriksaan berkanun, penyiasatan aduan, pengendalian tuntutan kes buruh serta pendakwaan** terhadap majikan-majikan yang gagal mematuhi perintah ini. **Jabatan Tenaga Kerja** juga memantau pelaksanaan gaji minimum dengan penubuhan **Pasukan Khas Penguatkuasaan** yang membuat pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.
5. Bagi tempoh Mei 2022 sehingga 31 Disember 2022, **Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak** telah menjalankan **28,722** pemeriksaan berkanun terhadap majikan dan **2,448** syor pematuhan telah dikeluarkan atas pelanggaran Perintah Gaji Minimum 2022.
6. Jika **sabit kesalahan** di bawah Perintah Gaji Minimum 2022, majikan boleh dikenakan tindakan pendakwaan dan kompaun dengan **denda maksimum sehingga RM10,000** bagi setiap pekerja di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta732).
7. Bagi tempoh Mei 2022 sehingga 31 Disember 2022, **Jabatan Tenaga Kerja** telah menyelesaikan sebanyak 33 kes pendakwaan dan kompaun yang membawa hukuman denda berjumlah keseluruhan **RM35,700.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH**  
**SUFFIAN**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini tuntutan Sarawak dan Sabah supaya diberi satu pertiga daripada jumlah kerusi Parlimen dan sasaran utama yang sudah tercapai.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan berdasarkan keperluan di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.
2. Bagi melaksanakan cadangan pertambahan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak, pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat perlu dibuat terlebih dahulu dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.
3. Kajian akan dilaksanakan berkenaan perkara ini sebelum ia dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan dasar.
4. Kajian mengenai perkara ini dijangka akan mengambil sedikit masa oleh sebab ia melibatkan pindaan undang-undang khususnya berkaitan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang telah dilakukan oleh ECER kepada komuniti Orang Asli di Negeri Terengganu dalam program Pembangunan Modal Insan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah melaksanakan program **empower ECER-** Akademik bagi masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu semenjak tahun 2018 (EMP2.0).

Seramai 167 pelajar Orang Asli Tahun 5 dan 6 telah dipilih untuk mengikuti program ini yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian mereka serta mengurangkan kadar kecinciran. Pencapaian bagi program ini sepanjang tempoh pelaksanaan adalah seperti berikut:

Tahun	Bil Pelajar	Peratusan Kehadiran Program		Peningkatan 3M	
		KPI	Pencapaian	KPI	Pencapaian
2018	63	50%	78%	10%	28%
2019	54	70%	72%	10%	55%
2020	50	90%	94%	-*	-*
<b>Jumlah</b>	<b>167</b>	<b>70%</b>	<b>81%</b>	<b>10%</b>	<b>42%</b>

\*KPI Peningkatan 3M ditukar kepada Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah dasar pertanian negara dapat menangani isu pembangunan dan membasmi kemiskinan di luar bandar di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu pembangunan dan pembasmian kemiskinan luar bandar dalam kalangan petani, peternak dan nelayan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa berusaha memastikan kesejahteraan pengeluar makanan dalam pembangunan sektor agromakanan. Ini termasuk pengeluar makanan berskala kecil yang sebilangan besarnya masih berpendapatan rendah.

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) digubal dengan mengambil kira tiga (3) prinsip utama yang merangkumi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar iaitu:

- (i) Sektor Agromakanan yang Berdaya Saing dan Inovatif;
- (ii) Kesejahteraan Pengeluar Makanan dan Keterangkuman dalam Pembangunan Sektor; dan
- (iii) Anjakan Paradigma ke arah suatu Sistem Makanan yang Mampan serta Bersesuaian dengan Perubahan Iklim.

Di antara objektif DAN 2.0 juga ialah:

- (i) meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik bagi pengeluar makanan yang terdiri daripada para petani, peternak dan nelayan; dan

- (ii) mempertingkatkan output pengeluaran serta kualiti penuaian melalui peningkatan produktiviti.

DAN 2.0 juga menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDGs) yang telah dikenalpasti antaranya membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KPKM dalam menterjemahkan usaha menangani isu pembangunan dan membasmi kemiskinan di luar bandar di Malaysia secara khususnya adalah melalui Program Rezeki Tani. Program ini menyediakan bantuan bagi aktiviti ekonomi berdasarkan pertanian yang boleh menjana pendapatan kepada isi rumah yang berdaftar dengan e-Kasih. Bantuan yang diberikan merangkumi baka ternakan, benih tanaman dan peralatan bagi aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan.

Di samping itu, KPKM turut menawarkan pelbagai program pembangunan kapasiti petani bagi meningkatkan pendapatan seperti berikut:

- (i) Program latihan jangka pendek seperti Kursus *Upskilling* dan *Reskilling* dalam bidang berkaitan teknologi moden bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran petani;
- (ii) Program peningkatan kapasiti pengeluaran makanan melalui kaedah geran padanan seperti *High Impact Programme* (HIP) dan *Change Upgrade Programme* (CUP) yang ditawarkan kepada pengusaha agromakanan melalui jabatan/agensi bawah KPKM;

**NO SOALAN: 21**

- (iii) Program Agropreneur Muda yang menawarkan Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi melaksanakan program dan projek pertanian; dan
- (iv) Pembiayaan dana untuk pengembangan perniagaan melalui pelbagai program di bawah Agrobank.

KPKM percaya inisiatif ini dapat memacu pertumbuhan yang berterusan dalam industri seterusnya meningkatkan kualiti hidup pengeluar makanan bagi menangani isu pembangunan dan membasmi kemiskinan di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI**  
**ATAN**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pada tahap manakah keberkesanan kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) dalam mengekang kadar inflasi negara memandangkan kenaikan OPR hanya menjelaskan rakyat dengan menyebabkan pengurangan perbelanjaan isi rumah serta penambahan bayaran balik pinjaman.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sepanjang tahun 2022, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 100 mata asas secara terkawal dan beransur-ansur. Tindakan dasar monetari BNM dipandu oleh mandat institusi tersebut bagi mengekalkan kestabilan harga serta memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan pada masa hadapan.

Meskipun kenaikan OPR memberi kesan ke atas ansuran bulanan bagi pinjaman yang berasaskan pinjaman berkadar terapung, perlu ditekankan bahawa langkah kenaikan OPR secara beransur-ansur sebanyak empat kali pada tahun 2022 oleh BNM merupakan keputusan yang diambil dengan sangat berhati-hati.

Jika BNM tidak mula melaraskan OPR secara terkawal dan beransur-ansur, OPR yang terlalu rendah boleh menyumbang kepada aktiviti perbelanjaan dan peminjaman yang tinggi, lantas berpotensi menyebabkan kenaikan harga dengan lebih mendadak. Keadaan ini telah pun berlaku di beberapa negara yang memaksa bank pusat negara-negara tersebut menaikkan kadar faedah secara mendadak dan dalam magnitud yang besar bagi mengawal tekanan inflasi. Oleh yang demikian, langkah awal yang diambil oleh BNM adalah wajar bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku.

Jika keadaan inflasi menjadi tidak terkawal, kuasa beli bagi semua isi rumah, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah, serta kuasa beli simpanan penabung dan pesara akan terjejas akibat kenaikan harga yang mendadak. Jika harga sentiasa berubah dan sukar dijangka, isi rumah dan perniagaan sukar untuk merancang perbelanjaan, simpanan atau pelaburan.

Hal ini seterusnya akan memberikan kesan terhadap kegiatan dan pertumbuhan ekonomi. Kesan negatif kejatuhan kuasa beli akibat inflasi yang tinggi dan tidak terkawal adalah jauh lebih tinggi berbanding impak kewangan ke atas individu daripada kenaikan OPR secara terkawal dan beransur-ansur, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.

Peningkatan kadar inflasi terkini tidak terhad hanya kepada faktor tolakan kos (*cost-push inflation*) semata-mata. Sejajar dengan pemulihan kegiatan ekonomi, wujud tekanan harga yang didorong oleh permintaan yang tinggi. Tekanan permintaan ini telah menyumbang kepada inflasi dalam negeri menjadi lebih meluas (*pervasive*) dan berterusan (*persistent*).

Walaupun MPC telah melaraskan OPR sehingga ke tahap 2.75 peratus, kesan penuh terhadap pengurangan tekanan permintaan kerana perubahan tingkah laku isi rumah dan perniagaan biasanya memerlukan masa berikutnya kesan sela masa (*lag effect*) dasar monetari. Selaras dengan pelarasan OPR, keadaan inflasi telah sedikit reda meskipun masih kekal tinggi.

Sehubungan dengan itu, BNM telah mengambil keputusan untuk menghentikan sementara kenaikan OPR pada mesyuarat yang pertama pada tahun ini (18 hingga 19 Januari) pada tahap 2.75 peratus dan dikekalkan semasa mesyuarat kedua pada 8 hingga 9 Mac bagi menilai kesan pelarasan kumulatif OPR terhadap prospek inflasi dan ekonomi Malaysia.

MPC akan terus meneliti maklum balas daripada hasil pengawasan dan pemantauan, analisis dan kajian berterusan yang merangkumi ekonomi global dan domestik, harga serta keadaan monetari dan kewangan secara menyeluruh termasuk impak kenaikan OPR kepada peminjam. Kesemua faktor ini akan dipertimbangkan dan diperhalusi oleh MPC sebelum sebarang keputusan dibuat semasa mesyuarat seterusnya pada 2 hingga 3 Mei 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN  
SAMY VELLU**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan tahap keselamatan penunggang P-Hailing yang terpaksa menggunakan telefon bimbit ketika membuat penghantaran dan sama ada Kementerian telah memulakan perbincangan dengan mana-mana syarikat pembekal teknologi untuk menangani isu ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan dalam tindakan untuk mengawal selia perkhidmatan *P-Hailing* di negara ini. Bagi membolehkan perkara ini berlaku, Rang Undang-undang pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) akan dibentangkan di Parlimen dan apabila ia diluluskan, Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pelesenan dan Pengawal Seliaan) *P-Hailing* akan dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua yang terlibat berkaitan perkhidmatan *P-Hailing* ini. Kerajaan akan menetapkan syarat-syarat yang sesuai berkaitan pengoperasian *P-Hailing* ini untuk dipatuhi bagi memastikan ianya selamat dari segi operasi, penghantar dan pengguna jalan raya.
2. Berdasarkan kajian pemerhatian tingkah laku penunggang *p-hailing* di sekitar Kuala Lumpur, penggunaan telefon bimbit sama ada mereka memegang atau menggunakan *phone holder* ketika menunggang motor bagi tujuan melakukan penghantaran meningkat kepada 36.9% pada tahun 2022 berbanding pemerhatian pada tahun 2020.
3. Menerusi kajian lain yang menggunakan kaedah *survey* berhubung tingkah laku pula, didapati bahawa 88.8% penunggang *p-hailing* menyatakan mereka akan menaip atau melihat status tempahan pada telefon bimbit ketika menunggang motor bagi tujuan membuat penghantaran.

4. Tingkah laku ini berisiko untuk terjadinya pelanggaran akibat gangguan penumpuan ketika menunggang motosikal. Memandangkan penggunaan telefon bimbit merupakan norma dalam sektor gig, pihak kementerian mengambil langkah untuk menerapkan elemen pengurusan risiko berkenaan penggunaan telefon bimbit melalui siri advokasi dan latihan penunggangan selamat kepada penunggang *p-hailing*. Ia bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan tentang keselamatan jalan raya dan salah satu aspek keselamatan yang ditekankan ialah penggunaan telefon bimbit ketika membuat penghantaran barang dan makanan. Sebagai contoh, Kementerian Pengangkutan melalui MIROS telah melaksanakan satu Program Latihan Penunggangan *P-hailing* dengan kerjasama ShopeeFood. Setiap peserta yang mengikuti sesi latihan ini telah diberikan *phone holder* berserta *mounting* sebagai dorongan bagi memastikan tangan mereka sentiasa berada di *handle* motosikal ketika membuat penghantaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' SRI TI LIAN KER** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keseriusan Kerajaan dalam menilai cadangan terhadap penstrukturran semula atau reformasi terhadap pelantikan pengurus di semua agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memastikan tadbir urus yang lebih telus dan efisien.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya, pencalonan dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) termasuk Pengerusi bagi syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dibuat berdasarkan kesesuaian dari segi kelayakan, pengalaman dan kepakaran seseorang individu selain mengambil kira keperluan syarikat itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah syarikat berkenaan beroperasi pada tahap yang optimum. Pelantikan Lembaga Pengarah syarikat MKD disuaipadankan berdasarkan keperluan setiap syarikat MKD dengan mengambil kira latar belakang dan kebolehan seseorang individu daripada pelbagai sudut bagi menganggotai Lembaga Pengarah syarikat MKD.

Kriteria minimum bagi pelantikan seseorang calon ALP adalah sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan akademik dan profesional lain yang setara, mempunyai pengalaman berkhidmat dalam industri atau bidang berkaitan seperti perakaunan, kewangan atau perundangan atau kepakaran yang bersesuaian dalam industri berkaitan yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat dan industri.

Selain itu, pelantikan ALP juga dilihat dari sudut kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian (*fit and proper requirements*) bagi memastikan komposisi Lembaga Pengarah yang mantap di samping menggalakkan pelaksanaan kepelbagaian (*diversity*) di bawah *Malaysian Code of Corporate Governance* (MCCG) 2021.

Di samping itu juga, selaras dengan Akta Syarikat 2016, secara umumnya setiap calon ALP bagi semua syarikat MKD perlu melalui beberapa tapisan iaitu tapisan keutuhan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, semakan kebankrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dan semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan sebagai prosedur (*requirement*) sebelum dilantik.

Justeru itu, hanya calon yang berkelayakan atau memenuhi kriteria *fit and proper* sahaja yang dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat MKD. Ini adalah salah satu cara untuk meningkatkan keupayaan barisan kepimpinan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) syarikat MKD dengan memperluaskan serta mempelbagaikan lagi komposisi ahli-ahlinya daripada segi kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan adalah penting bagi memastikan *the right person with the right skills* (dengan izin) dipilih bagi memantapkan struktur Lembaga Pengarah syarikat. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek-aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Antara langkah yang telah diambil adalah lantikan pengurus baru bagi syarikat tersenarai seperti MAHB dan Tenaga Nasional Berhad yang bukan dari kalangan ahli politik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATO' JUHANIS BINTI ABDUL AZIZ**

**TARIKH**

**: 4 APRIL 2023**

**DATO' JUHANIS BINTI ABDUL AZIZ** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian dalam membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana yang sedang bergelut dengan kenaikan kos perniagaan dan harga barang yang tinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersama agensi-agensi di bawahnya sentiasa komited membantu usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang sedang bergelut dengan kenaikan kos perniagaan dan harga barang yang tinggi. Pelbagai program telah dirangka di bawah Pelan Strategik Kementerian Tahun 2023 untuk membantu PMKS meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka dalam memastikan operasi perniagaan tidak terjejas berikutan kenaikan harga barang.
2. Antara program yang dilaksanakan oleh KUSKOP menerusi agensi-agensinya adalah seperti berikut:
  - (i) menyediakan akses pembiayaan bagi membantu PMKS mendapatkan bantuan kewangan yang mencukupi sebagai modal kerja dan melancarkan operasi perniagaan melalui program yang ditawarkan oleh Bank Rakyat, TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia seperti:
    - (a) Program Pembiayaan Mikro untuk Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK 2.0);
    - (b) RAKYATPreneur4.0;
    - (c) Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN;
    - (d) TEKUN Mobilepreneur; dan
    - (e) Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI).

## NO SOALAN: 25

- (ii) menyediakan program pembangunan kapasiti untuk memastikan PMKS dapat membuat perancangan perniagaan dan pengurusan kos dengan lebih baik, khususnya bagi memastikan operasi perniagaan kekal berdaya saing. Antara program yang ditawarkan ialah Kursus Asas Industri (INBT), INSKEN Business Training (IBT), dan INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC) yang dilaksanakan oleh INSKEN. SME Corp juga menawarkan program pembangunan kapasiti seperti Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP) 3.0 dan Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) 2.0.
- (iii) menyediakan program untuk menggalakkan penyertaan PMKS ke platform digital bagi meningkatkan peluang pasaran yang lebih luas. Di antara program yang disediakan adalah seperti berikut:
  - (a) Platform Keusahawanan Digital MyMall yang dibangunkan oleh KUSKOP;
  - (b) Skim Pembiayaan Online (SPOT) oleh TEKUN; dan
  - (c) Portal *Pybli* (sebutan: Pi Beli) oleh PERNAS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK LIM PAY HEN** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menamatkan kontrak dengan MyEG. Berapakah jumlah yang telah ditawarkan oleh Kerajaan kepada MyEG bagi mengambil alih atau "acquisition plan" ke atas Sistem Pengurusan Pembaharuan Permit Pekerja Asing MyEG kepada Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) pada tahun 2025 dan seterusnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak semasa MyEG dengan Kerajaan telah berkuatkuasa mulai 23 Mei 2015 sehingga 22 Mei 2020 dan telah dilanjutkan selama tiga (3) tahun mulai 23 Mei 2020 sehingga 22 Mei 2023.

Sehubungan itu, sekiranya terdapat keperluan untuk perlanjutan kedua, perkara ini akan dibawa kepada MOF untuk keputusan. Untuk makluman, sekiranya kontrak tidak dilanjutkan, persoalan bayaran bagi mengambil alih MyEG tidak berbangkit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI HJ. MOHAMAD FATMI BIN**  
**HJ. CHE SALLEH**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**TAN SRI HJ. MOHAMAD FATMI BIN HJ. CHE SALLEH** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak bila dan berapakah wang ehsan/royalti/saguhati yang telah disumbangkan kepada Kerajaan negeri Kelantan dari tahun 2018 hingga sekarang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] telah memperuntukkan bahawa petroleum yang didapati dan diperolehi (*won and saved*) dalam lingkungan tiga (3) batu nautika diukur daripada garis air surut merupakan hasil kepada negeri yang berkenaan. Namun, sehingga kini tiada petroleum yang diperolehi berdasarkan peruntukan *Akta 750* bagi negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Justeru itu, penyaluran Wang Ehsan/Bayaran Tunai hasil petroleum kepada Kerajaan Negeri Kelantan merupakan budi bicara Kerajaan Persekutuan dan disalurkan daripada Akaun Amanah Wang Ehsan Negeri Kelantan (WENK) dan Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP). Jumlah penyaluran dari tahun 2018 hingga tahun 2022 adalah sebanyak RM872 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' AJIS BIN SITIN** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan bagi membantu mengurangkan kadar keciciran pelajar-pelajar anak Orang Asli yang bersekolah di kawasan pendalaman daripada meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di kawasan bandar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi dibawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Inisiatif ini antaranya adalah untuk meningkatkan enrolmen dan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah serta memastikan mereka mendapat pendidikan yang berkualiti dan relevan dengan keperluan mereka.

KPM telah melaksanakan Program Intervensi Murid Orang Asli dan Peribumi (PIKAP). PIKAP melibatkan tiga mata pelajaran utama di Tahap I, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik yang mengandungi modul pembelajaran disesuaikan dengan konteks persekitaran untuk meningkatkan minat murid Orang Asli dan peribumi kepada pembelajaran.

KPM juga memperkenalkan Program Jom Belajar melalui model, iaitu Program Khas Murid Orang Asli (PROKHAS) dan Chup Badui Sikulah (CBS) dibuat kepada anak-anak Orang Asli selaras dengan dasar pendidikan wajib untuk memastikan semua kanak-kanak warganegara menerima pendidikan sewajarnya. Program ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan asas dan memantapkan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis serta mengira (3M) murid Orang Asli yang tidak pernah bersekolah sebelum memasuki alam persekolahan. Kohort umur murid yang terlibat dengan program ini merangkumi umur tujuh tahun hingga tujuh belas tahun.

Selain itu, KPM juga akan sentiasa meneliti ruang bagi meluaskan pembangunan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 atau K9. K9 merupakan sekolah yang memberi pendidikan mulai tahun 1 sehingga tingkatan 3. Matlamat utama sekolah komprehensif 9 atau K9 diwujudkan bagi menangani isu keciciran di kawasan pedalaman, terutamanya dalam kalangan murid Orang Asli yang menghadapi kesukaran untuk meneruskan pendidikan ke peringkat menengah atas faktor lokasi ke sekolah menengah yang jauh, bentuk muka bumi yang mencabar dan sosio ekonomi keluarga.

KPM bercadang untuk memperluaskan konsep K9 kepada Sekolah Model Khas K11. Ini merupakan satu inisiatif dalam memberikan akses pendidikan yang lebih menyeluruh dari peringkat rendah hingga menengah selama 11 tahun, iaitu daripada Tahun 1 hingga Tingkatan 5. Selain itu, konsep Sekolah Model Khas K11 ini juga dijangka mampu mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tingkatan 3 ke Tingkatan 4 atau transisi peringkat pengajian menengah rendah ke menengah atas. Sekolah Model Khas K11 juga menjadi inisiatif yang akan menyokong usaha KPM ke arah memastikan murid di kawasan yang dikenal pasti dapat menamatkan pendidikan 11 tahun. Sebagai permulaan, KPM akan melaksanakan rintis K11 di SK RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang khas bagi murid Orang Asli di kawasan tersebut.

KPM yakin program intervensi dan langkah strategik yang dilaksanakan ini dapat memastikan murid Orang Asli meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**

**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK RAZALI BIN IDRIS** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

**:-**

- (a)sejauh manakah usaha Kerajaan dalam perkukuhkan nilai Ringgit daripada mengalami penyusutan berpanjangan; dan
- (b)berapakah jumlah sebenar hutang negara sekarang dan siapakah pembiutang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Prestasi nilai ringgit berbanding dolar AS sejak kebelakangan ini adalah sejajar dengan pergerakan mata wang serantau dan negara maju didorong oleh jangkaan kenaikan kadar faedah di AS.

Sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, nilai ringgit akan sentiasa dipengaruhi oleh kuasa pasaran. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjelaskan aktiviti ekonomi domestik. Selain itu, pasaran dunia yang stabil, sentimen pelabur yang positif dan lebihan penerimaan pertukaran wang asing yang teguh disokong oleh kegiatan ekonomi teras (*core economic activity*) negara dapat memperkuatkan nilai ringgit.

Pendekatan BNM bagi memperkuatkan nilai ringgit tertumpu terhadap usaha bagi memastikan pelarasan ringgit adalah dalam keadaan teratur. Keadaan ini akan membantu rakyat dan perniagaan merancang serta melaksanakan keputusan perbelanjaan dan pelaburan dengan baik.

Sementara itu, bagi menangani kemeruapan pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko dari perkembangan domestik dan luaran, serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur. Risiko daripada pergerakan mendadak nilai pertukaran ringgit berbanding dolar

AS juga dikurangkan melalui penggunaan instrumen lindung nilai, pengambilan pinjaman luar yang dilakukan secara berhati-hati dan disokong oleh pasaran matawang domestik yang dalam.

Kerajaan kekal komited dalam usaha melaksanakan dasar-dasar yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran dana yang akan meningkatkan rizab antarabangsa serta memperkuatkan nilai ringgit.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga akhir 2022, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.6 bilion atau 60.4% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, hutang dalam negeri adalah sebanyak RM1,050.1 bilion manakala pinjaman luar pesisir sebanyak RM29.5 bilion.

Paras hutang statutori yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (atau dengan izin, *Malaysian Government Securities*), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues*) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (*Malaysian Islamic Treasury Bills*) mencatat 57.7% daripada KDNK lebih rendah berbanding had statutori 65%.

Pada akhir 2022, komposisi pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada 76.1% adalah pemastautin dan 23.9% bukan pemastautin. Pelabur institusi kukuh dan berjangka panjang seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), syarikat insurans dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) mencatat pegangan sebanyak 32.2% dan merupakan penyumbang terbesar kepada pemegangan

pemastautin. Manakala, dari aspek pemegang bukan pemastautin, institusi jangka panjang iaitu bank pusat dan kerajaan, dana persaraan dan syarikat insurans merupakan pemegang bukan pemastautin terbesar iaitu sebanyak 12%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ  
IBRAHIM**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara menangani isu pelaburan haram dan 'scam' melalui internet yang direkodkan pada tahun 2021 & 2022 serta apakah langkah Kerajaan dalam mengurangkan jenayah pelaburan haram dan 'scam' terutamanya pelaburan 'scam' luar negara yang berpangkalan di negara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kewangan Malaysia amat memandang berat tentang isu penipuan kewangan dan pelaburan atau ‘scam’ serta aktiviti-aktiviti tanpa lesen/pendaftaran termasuklah dari luar negara yang ditawarkan kepada rakyat Malaysia.

Dalam hal ini, BNM telah menetapkan keperluan untuk bank-bank memastikan kawalan dan standard keselamatan mereka sentiasa berada pada tahap tertinggi pada setiap masa, terutamanya bagi perkhidmatan perbankan Internet dan mudah alih.

Selain itu, seperti yang telah dimaklumkan melalui ucapan Bajet 2023, BNM juga menguatkuaskan mekanisma “*kill switch*” ke atas industri perbankan untuk membolehkan pelanggan bank membeku akaun bank mereka termasuk kad ATM dengan segera. Dengan mekanisma ini, mangsa jenayah penipuan dapat bertindak dengan menyekat aliran wang daripada terus keluar daripada akaun mereka. Semua bank sudah pun menyediakan kemudahan *assisted kill switch* dan ada yang telah membangunkan *self-service kill switch* sebelum pengumuman YAB PM di dalam Bajet 2023.

Kerajaan melalui agensi-agensi terlibat seperti PDRM, BNM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), dan National Anti-Financial Crime Centre (NFCC) dengan sokongan institusi perbankan dan telekomunikasi telah menubuhkan Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC) sebagai usaha membanteras jenayah penipuan kewangan.

NSRC yang ditubuhkan pada Oktober 2022 bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan langkah tindak balas terhadap penipuan kewangan atas talian seperti pengesanan dan penyekatan aliran dana yang telah dicuri bagi membendung kerugiaan kewangan yang lebih besar.

Mangsa jenayah ‘scam’ dalam talian kini boleh menghubungi talian pantas 997 dan kongsikan butiran penting seperti nombor dan perbualan dengan suspek, jumlah kerugiaan untuk membantu tindakan lanjut pihak NSRC. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM10 juta bagi memastikan NSRC boleh berfungsi dengan lebih efektif.

Merujuk kepada aktiviti pelaburan haram, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menyasarkan untuk membanterasnya termasuklah yang berpengkalan di luar negara dengan menyekat platform-platform dalam talian yang mereka gunakan dari terus melakukan promosi atau membuat tawaran kepada masyarakat Malaysia. Langkah ini dilakukan dengan kerjasama MCMC, Meta Malaysia (*Facebook & Instagram*) dan *Telegram*.

## **NO SOALAN: 31**

SC juga giat mengemaskini Senarai Peringatan Pelabur SC dan mengeluarkan siaran akhbar untuk memberi amaran kepada orang ramai agar tidak berurusan atau melabur dengan syarikat atau individu yang telah disenaraikan. Semenjak bulan Oktober 2021, SC telah menubuhkan satu pasukan untuk menjalankan pemantauan pro-aktif mengenalpasti skim-skim penipuan pelaburan dan aktiviti-aktiviti tanpa lesen/pendaftaran selepas sering kali menerima aduan daripada orang awam yang menjadi mangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN  
HAMZAH**

**TARIKH**

**: 4 APRIL 2023**

**DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini berkenaan 17,613 pelajar (2.99%) IPTA yang tidak menamatkan pengajian mereka akibat pandemik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkenaan isu pelajar yang tidak menamatkan pengajian akibat pandemik, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan semakan dan mendapati bahawa antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada pelajar tidak menamatkan pengajian adalah seperti berikut:
  - i. masalah kesihatan;
  - ii. masalah peribadi;
  - iii. gagal peperiksaan; dan
  - iv. gagal mendaftar.
2. Dalam hal ini, KPT bersama-sama dengan pihak IPT menyediakan dua (2) bentuk program intervensi.
3. Pertama, program intervensi bersifat akademik seperti sistem penasihat akademik atau PA. Di bawah program ini, perancangan atau penyusunan semua pengajian diperhalusi untuk membolehkan pengajian diteruskan.
4. Dan kedua, program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok, *buddy system*, program motivasi, program mentor-mentee, *Academic Special Program* dan program kesedaran dari semasa ke semasa bagi membantu pelajar-pelajar di IPTA meneruskan pengajian mereka.

**NO SOALAN: 32**

5. Pada masa yang sama, KPT juga menyediakan pelbagai bantuan bagi meringankan beban pelajar terutamanya dari golongan B40. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar daripada kelompok ini termasuklah penyediaan perkhidmatan *food pantry*, pemberian wang sara diri dan sebagainya menggunakan peruntukan dana zakat, wakaf dan sumbangan yang diterima di IPTA masing-masing.
6. Selain daripada itu, KPT dari semasa ke semasa berhubung dengan pihak IPT untuk melihat dengan lebih mendalam intervensi yang boleh dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan akibat pandemik terutamanya bagi memudahkan proses untuk mereka meneruskan kembali pengajian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN**

**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK BOBBEY BIN SUAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek Trans- Borneo Highway di sebelah negara kita walaupun perpindahan ibu negara Indonesia telah ditunda dan jika ada, apakah status terkini perancangan Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan telah meluluskan Kerja Awalan dan Rekabentuk bagi Projek Membina Jalan Baharu Dari Kalabakan ke Sempadan Malaysia–Indonesia (Simanggaris) di bawah Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12) dengan kos sebanyak RM13 juta. Pelaksanaan projek akan dimulakan pada tahun ini tertakluk kepada prosedur dan garis panduan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI**  
**MOHD RADZI**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah di Malaysia yang masih tidak mesra kepada kanak-kanak OKU serta apakah langkah tegas yang akan diambil oleh Kerajaan agar peruntukan yang disediakan untuk penambahbaikan sekolah daif digunakan dengan mematuhi MS1884.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan prihatin tentang keperluan kemudahan infrastruktur bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di sekolah.

Berdasarkan data sehingga 31 Oktober 2022, terdapat sebanyak 4,620 buah sekolah mempunyai sekurang-kurangnya satu kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) sama ada susur landai, susur tangan, tandas OKU dan parkir OKU. Terdapat 5,611 buah sekolah yang masih belum dilengkapi dengan sekurang-kurangnya satu kemudahan mesra OKU.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, MS1184 adalah merujuk kepada spesifikasi kemudahan mesra OKU. Bagi memastikan peruntukan yang dibelanjakan bagi penyediaan kemudahan mesra OKU ini mematuhi MS1184:2014, KPM telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Rekabentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melaksanakan Bengkel *Training of Trainers* dan Audit Akses Kemudahan Mesra OKU melibatkan pegawai di jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah. Latihan ini dilaksanakan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pegawai KPM serta membolehkan pemantauan berkesan secara berterusan dijalankan bagi memastikan semua sekolah dilengkapi dengan kemudahan dan infrastruktur yang bersesuaian bagi MBPK selaras dengan MS1184:2014

**NO SOALAN: 34**

KPM juga turut memastikan semua projek pembangunan pendidikan yang dimohon melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun sama ada untuk sekolah baharu, gantian atau bangunan tambahan turut mempunyai skop penyediaan kemudahan mesra OKU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 3 APRIL 2023**

**DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai lapangan terbang antarabangsa dan kargo memandangkan Kelantan adalah gerbang yang menghubungkan wilayah Indo-china dengan Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, negara mempunyai enam (6) buah Lapangan Terbang Antarabangsa iaitu KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. Lapangan-lapangan terbang domestik lain termasuk juga Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini.
2. Walaupun LTSIP tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa/ hub penerbangan serantau, namun ia masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti mana lapangan-lapangan terbang domestik yang lain seperti di Melaka, Kuantan dan Ipoh. Kedudukan LTSIP pada masa ini adalah lapangan terbang domestik ketiga tersibuk selepas Lapangan Terbang Miri (LT Miri) dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang.
3. LTSIP mencatatkan jumlah pengendalian penumpang pada tahun 2019 (pra-covid-19) melebihi 1.8 juta orang. Namun, jumlah ini berkurangan pada tahun 2020 dan 2021 dengan masing-masing hanya mencatatkan jumlah penumpang sebanyak 0.71 juta dan 0.50 juta orang berikutan sekatan perjalanan oleh Kerajaan bagi membendung wabak Covid-19. Selanjutnya, jumlah penumpang kembali mencatatkan peningkatan pada tahun 2022 iaitu melebihi 1.38 juta (pasca Covid-19).

## NO SOALAN: 35

4. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan asing untuk menyediakan dan menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan bagi laluan-laluan domestik dan antarabangsa ke LTSIP. Pada masa ini, operasi penerbangan ke/dari LTSIP hanya melibatkan penerbangan bagi laluan domestik sahaja bagi laluan Kuala Lumpur, Subang, Pulau Pinang, Langkawi, Johor Baru, Kota Kinabalu, Kuching dengan jumlah kekerapan penerbangan sebanyak 136 kali seminggu.
5. Dalam hubungan ini, sebarang cadangan untuk menyedia dan menambah kekerapan jadual penerbangan bagi mana-mana laluan termasuk laluan ke LTSIP adalah merupakan perancangan yang ditentukan sendiri oleh syarikat-syarikat penerbangan berdasarkan *commercial viability* sesuatu laluan dan tertakluk kepada kelulusan daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) sebelum ia dapat dilaksanakan.
6. Pada masa ini, Kerajaan sedang melaksanakan projek pembesaran dan menaik taraf LTSIP bagi tujuan menambahbaik fasiliti serta meningkatkan kapasiti terminal lapangan terbang daripada 1.5 juta penumpang (mppa - *million passenger per annum*) kepada 4 mppa dengan kos melebihi RM440 juta. Surat Setuju terima (SST) telah dikeluarkan pada 27 Mac 2021 dan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada September 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH**  
**BINTI MUSA**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah polisi imigrasi negara (sama ada dalam membenarkan pekerja asing mendapat pekerjaan mahupun kewarganegaraan) telah mengambil kira trend populasi kependudukan negara yang semakin menurun.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab dalam menggubal dasar-dasar berkaitan guna tenaga dalam negara termasuk tenaga kerja tempatan dan tenaga kerja asing dengan mengambil kira jumlah keperluan industri. Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri sentiasa sedia bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memantau jumlah pekerja asing dalam negara bagi mengimbangi keperluan sebenar industri bertujuan memastikan kadar ekonomi negara yang stabil.

Sehingga 23 Mac 2023, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan seramai 1,568,046 pekerja asing aktif dalam negara dari pelbagai sektor pekerjaan. Tiga negara yang menyumbang tenaga kerja asing tertinggi adalah negara Bangladesh iaitu seramai 461,876 orang, Indonesia dengan jumlah seramai 416,475 orang dan Nepal seramai 317,451 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang digerakkan bersama-sama Kementerian-kementerian lain bagi merencanakan usaha menaik taraf fasiliti serta infrastruktur pelancongan di Negeri Sembilan terutamanya di Port Dickson.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM9.71 juta bagi 14 buah projek fizikal pelancongan di seluruh Negeri Sembilan amnya di mana produk-produk pembangunan berkenaan berada di serata Negeri Sembilan bagi menyokong industri pelancongan di Negeri Sembilan. Dari tahun 2020 – 2022, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM467,000.00 bagi tujuan baik pulih dan selenggara kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di kawasan Port Dickson. Pecahan peruntukan adalah seperti yang berikut:-

- (i) Membaikpulih Tandas Awam Pantai Saujana 1 & 2, Port Dickson, Negeri Sembilan (Tahun 2020) – RM125,000.00;
- (ii) Membaikpulih Tandas Awam dan Surau Pantai Sri Purnama serta Kerja Berkaitan, Port Dickson, Negeri Sembilan (Tahun 2020) – RM112,000.00; dan
- (iii) Kerja-Kerja Menaik Taraf Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas Port Dickson Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan (Tahun 2021) – RM230,000.00.

2. MOTAC sentiasa bersedia untuk berganding bahu dan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sembilan dan lain-lain Kementerian & Agensi bagi memastikan Port Dickson sentiasa menjadi destinasi pilihan utama pelancong apabila melawat ke Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN**  
**HAMZAH**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' DR.AHMAD AZAM BIN HAMZAH** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan kebenaran khas pengeluaran KWSP bagi golongan yang benar-benar susah seperti Ibu Tunggal dan Pesakit Kronik.

**JAWAPAN**

Seperti yang dinyatakan semasa penggulungan perbahasan Belanjawan 2023 pada 9 Mac 2023 yang lalu, Kerajaan tidak mempertimbangkan pengeluaran tambahan daripada simpanan KWSP ahli seperti yang dilakukan semasa pandemik COVID-19.

Pengeluaran sewaktu Pandemik yang dibuat sebelum ini mengambil kira keadaan semasa pandemik di mana ramai rakyat tidak dapat bekerja atau menjalankan perniagaan. Kini, tidak wajar untuk masih membenarkan pengeluaran khas dana simpanan persaraan rakyat. Negera seperti Australia, Peru dan Chile yang membenarkan pengeluaran simpanan persaraan pada 2020 dan 2021, sudah tidak lagi diteruskan tahun lalu.

Namun demikian, KWSP telah diminta untuk meneliti mekanisme bagi memberi ruang kepada ahli yang terdesak untuk mendapatkan bantuan kewangan tunai dan mempunyai simpanan di dalam KWSP untuk mendapatkan pinjaman daripada bank berdasarkan amaun simpanan dalam Akaun 2 ahli. Perincian mekanisme berkaitan perkara ini akan dimaklumkan oleh KWSP kelak setelah diperhalusi bersama Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan pihak bank.

Untuk makluman, terdapat pelbagai inisiatif dan program bantuan yang melibatkan ibu tunggal dan pesakit kronik disediakan dalam Belanjawan 2023 seperti berikut:

- a. **Bantuan Kanak-kanak (BKK)** di mana bantuan kewangan minimum RM150 sebulan tertakluk kepada maksimum RM1,000 sebulan sekeluarga disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada keluarga atau penjaga yang memberi jagaan kepada kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan; dan
- b. **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar** sebanyak RM500 sebulan bagi seorang pesakit. Ini bagi meringankan bebanan keluarga / penjaga dan menggalakkan keluarga / penjaga untuk menjaga ahli keluarga yang OKU terlantar / sakit terlantar / sakit kronik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, ahli KWSP adalah dibenarkan untuk membuat pengeluaran kesihatan daripada simpanan dalam Akaun 2 bagi membiayai kos perubatan merangkumi 91 jenis penyakit kritikal dan/ atau peralatan bantuan kesihatan yang diluluskan. Kelayakan pengeluaran ini adalah merangkumi ahli, pasangan, ibu bapa dan anak ahli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB YB TUAN SERUANDI BIN SAAD**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**TUAN SERUANDI BIN SAAD** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana bentuk kawalan diperketat bagi memastikan syarikat penerbangan terutamanya syarikat penerbangan tambang murah tidak mengenakan syarat yang membebankan pengguna apabila melibatkan caj tersembunyi yang tidak relevan seperti contoh caj untuk meminda maklumat penerbangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerangan Malaysia (MAVCOM) bertanggungjawab dalam mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerangan awam termasuk dalam aspek perlindungan pengguna. Pengawalseliaan ini bertujuan untuk menjadikan industri penerangan awam di Malaysia berdaya maju dari segi komersial, berorientasikan pengguna dan berdaya tahan agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara.
  
2. Bagi maksud mengawal selia penjualan tiket penerangan oleh syarikat-syarikat penerangan, Bahagian II: Takat Perkhidmatan Minimum dan Standard Prestasi Syarikat Penerangan dan Pengendali Aerodrom dalam Kod Perlindungan Pengguna Penerangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC) telah memperuntukkan tanggungjawab syarikat penerangan dan pengendali aerodrom terhadap pengguna. Kod ini bertujuan untuk memperuntukkan tahap dan standard minimum perkhidmatan oleh penyedia perkhidmatan penerangan serta melindungi hak dan kepentingan pengguna dengan memastikan semua aduan terhadap syarikat-syarikat penerangan diambil tindakan dan diselesaikan.

3. Dalam hubungan ini, MACPC mengkehendaki syarikat penerbangan untuk menerbitkan terma dan syarat-syarat penerbangan secara penuh dalam Kontrak Pengangkutan (*Contract of Carriage*) atau Terma dan Syarat-Syarat (*Terms and Conditions*) sebelum pembelian tiket pengguna bagi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) fi pembatalan;
- (b) apa-apa polisi bayaran balik dan tempahan semula;
- (c) polisi bagi penumpang yang tidak -
  - i. hadir di kaunter daftar masuk;
  - ii. hadir di pintu masuk dalam tempoh yang ditetapkan;  
dan
  - iii. menaiki pesawat udara pada waktu yang dinyatakan;
- (d) polisi peruntukan bagasi; dan
- (e) kesahan dokumen perjalanan penumpang.

4. Selain itu, syarikat penerbangan juga perlu memaparkan harga muktamad tambang penerbangan serta memperincikan dengan jelas perkara-perkara yang berikut:

- (a) cukai dan fi yang dikenakan oleh kerajaan;
- (b) fi dan caj yang dikenakan oleh MAVCOM;
- (c) caj perkhidmatan penumpang;
- (d) caj keselamatan;
- (e) fi bagasi; dan
- (f) caj bahan api.

5. Dalam hubungan ini, semua syarikat penerbangan termasuk syarikat penerbangan tambang murah perlu memastikan bahawa sebarang bayaran atau caj yang dikenakan kepada penumpang adalah berpatutan, tidak membebankan penumpang dan jelas dinyatakan kepada penumpang. Sehingga kini, kesemua syarikat penerbangan Malaysia telah memastikan pematuhan kepada perkara ini.
6. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mematuhi MACPC, MAVCOM boleh mengenakan penalti kewangan sebanyak amaun yang tidak melebihi RM200,000, dan ketidakpatuhan kedua atau berikutnya, amaun sepuluh kali daripada penalti kewangan yang dikenakan bagi ketidakpatuhan yang pertama.
7. Dari tahun 2018 sehingga Januari 2023, MAVCOM telah mengenakan penalti sebanyak RM4.72 juta ke atas kegagalan syarikat penerbangan dalam mematuhi pelbagai kesalahan di bawah MACPC.
8. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan kod perlindungan pengguna, MAVCOM kini dalam proses penambahbaikan MACPC berdasarkan maklum balas pengguna dan juga pengajaran-pengajaran penting yang berlaku semasa pandemik COVID-19. Penambahbaikan itu termasuk peningkatan perlindungan pengguna dalam kes-kes yang tidak pernah berlaku sebelum tempoh pandemik ini. MAVCOM menganggarkan proses penambahbaikan tersebut akan selesai pada suku kedua 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH**  
**BINTI MUSA**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kaedah yang digunakan Kementerian dalam menyelaraskan pembahagian tugasan guru-guru di peringkat sekolah dan adakah wujud keperluan dalam mengeluarkan garis panduan untuk memastikan bebanan tugasan guru tidak bertumpu kepada guru yang baru atau berpangkat rendah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha mencari penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru.

KPM telah menyemak semula tugas dan tanggungjawab guru dengan melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum. Melalui MySG, semua guru dapat mengetahui:

- i. pelaksanaan dan perincian tugas Portfolio Berjawatan, Portfolio Tanpa Jawatan dan jawatankuasa utama di sekolah;
- ii. punca kuasa dan garis panduan sedia ada berkaitan pengurusan sekolah; dan
- iii. bahagian peneraju di KPM yang bertanggungjawab terhadap dasar dan pengoperasian komponen dan subkomponen pengurusan sekolah.

## **NO SOALAN: 40**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen MySG boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi KPM. Di samping itu, berdasarkan Kenyataan Media KPM: Pelaksanaan Langkah Segera Ke Arah Kesejahteraan Guru bertarikh 17 Februari 2023, KPM sedang melaksanakan tujuh langkah segera bagi memastikan isu beban tugas guru dapat ditangani.

KPM komited dalam memastikan kesejahteraan guru terjamin dan fokus utama mereka kepada pengajaran dan pembelajaran dapat dioptimumkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING**

**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO DR. NUING JELUING** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan wujudnya jaminan makanan untuk negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan keterjaminan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

Pertama, **meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan domestik** melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) **memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur** yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40;
- (ii) **meluaskan penternakan secara fidlot melalui pemerkasaan industri lembu pedaging** untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030. KPKM juga akan melaksanakan program pembiakbakaan berstruktur serta mengenal pasti pemain industri yang berkebolehan tinggi untuk dibangunkan; dan
- (iii) **melaksanakan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB)** yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak dan sewaan.

Selain itu, KPKM turut **mempelbagaikan sumber alternatif input pertanian** melalui inisiatif berikut:

- (i) menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak **600,000 tan metrik** yang dapat mengurangkan kebergantungan import bahan makanan ternakan sebanyak 30% menjelang tahun 2032. Dalam hal ini, program dan inisiatif dirangka melalui pengukuhan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara;
- (ii) membangunkan bahan makanan ternakan alternatif seperti ***Black Soldier Fly (BSF)*** dan ***Palm Kernel Expeller (PKE) / Palm Kernel Cake (PKC)***; dan
- (iii) memperkasa industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber luar untuk input pertanian.

Kedua, **mengimport komoditi makanan** yang tidak dapat dihasilkan secara domestik antaranya disebabkan oleh faktor tidak ekonomik, kesesuaian iklim, kekangan sumber tanah serta menstabilkan bekalan makanan yang terganggu. Antara langkah yang diambil termasuklah:

- (i) memudah cara proses dan prosedur perdagangan pertanian dengan memansuhkan *approved permit (AP)*;
- (ii) memudah cara prosedur import (IP) soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berdasarkan haiwan dan tumbuhan melalui penangguhan fi permit serta mewujudkan *priority lane* bagi proses kemasukan pantas makanan asas;

## NO SOALAN: 41

- (iii) memberikan kebenaran sementara kemasukan telur ayam dari sumber luar bagi menstabilkan bekalan; dan
- (iv) meningkatkan jumlah loji penyembelihan dan pemprosesan di luar negara bagi membenarkan kemasukan bekalan daging dan keratan yang selamat dan halal.

Ketiga, kerajaan berusaha **meningkatkan keupayaan penyimpanan stok makanan** (stok penimbang) melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) kuantiti stokpail beras ditingkatkan daripada 150 ribu tan metrik kepada 290 ribu tan metrik pada tahun 2023; dan
- (ii) mewujudkan stokpail ikan melibatkan 1,000 tan metrik untuk menjamin kesinambungan bekalan ikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh pekebun lada berskala kecil di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani cabaran-cabaran tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh pekebun kecil lada di Malaysia adalah seperti berikut:
  - i. Peningkatan harga input pertanian;
  - ii. Ketidaktentuan harga lada di pasaran; dan
  - iii. Pekebun lada yang berusia.
2. Bagi mengatasi cabaran-cabaran tersebut, Kementerian ini melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) sedang mengambil beberapa langkah sepetimana yang telah digariskan di bawah Dasar Agrikomoditi Negara 2030 (DAKN2030). Melalui dasar ini, MPB sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu para pekebun kecil lada seperti Skim Tanaman Lada Baharu (STLB) dan Skim Tanaman Lada Matang (STLM). Skim-skim ini menyediakan bantuan input pertanian seperti baja, *dolomite*, keratan lada dan tiang sokongan selain bantuan khidmat nasihat. Untuk makluman semua, nilai bantuan adalah sebanyak RM46,000 sehektar di bawah STLB dan RM25,000 sehektar di bawah STLM.
3. Sehingga Februari 2023, seramai 2,951 orang pekebun telah menerima manfaat di bawah skim STLB dan 5,750 orang telah mendapat manfaat di bawah skim STLM dengan nilai bantuan masing-masing berjumlah RM12.36 juta dan RM12.03 juta.

## **NO SOALAN: 42**

4. Bagi mengatasi isu ketidaktentuan harga lada di pasaran, MPB pada masa ini sedang menggalakkan pekebun menghasilkan lada premium seperti Lada Putih Krim dan lada bebas racun yang dapat memberi pulangan harga yang lebih tinggi berbanding lada gred biasa. Bagi tujuan ini, MPB turut menyediakan bantuan di bawah Projek Pembangunan Pengeluaran Lada Premium. Sehingga kini, seramai 114 orang pekebun kecil lada telah mendapat manfaat dengan nilai bantuan sebanyak RM0.51 juta.
5. Bagi meningkatkan penglibatan generasi muda dalam industri lada negara, antara strategi yang sedang dilaksanakan oleh MPB adalah seperti:
  - i. Memperkasakan penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti tanaman lada melalui kaedah *smart farming*; dan
  - ii. Melaksanakan program dan insentif khusus bagi melahirkan usahawan-usahawan lada di peringkat huluan dan hiliran termasuk kepada golongan belia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI**  
**MOHD RADZI**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah jumlah pengangguran dalam kalangan OKU serta apakah tindakan jangka pendek dan panjang oleh Kementerian dalam mengatasi isu pengangguran yang serius dalam kalangan OKU.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Sumber Manusia sebagai peneraju utama dalam menawarkan peluang pekerjaan dan kemahiran di kalangan OKU. Kerajaan tidak pernah sesekali meminggirkan golongan OKU, malah sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan mereka terutama dalam sektor pekerjaan dan akan sentiasa komited dalam usaha membantu rakyat termasuk Orang Kurang Upaya mendapatkan pekerjaan serta memastikan kadar pengangguran di Malaysia adalah terkawal.
  
2. KSM melalui Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras program dan aktiviti penawaran peluang pekerjaan kepada OKU, memurnikan pelan tindakan Ahli-ahli Jawatankuasa bagi pelaksanaan program/aktiviti dan peluang pekerjaan kepada OKU dan membantu meningkatkan penempatan OKU di Sektor Awam dan Swasta secara lebih komprehensif dan sistematik. Kerajaan telah menetapkan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU di mana setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut. Dasar ini diperluas meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, MYFutureJobs mulai pada tahun 2020 sehingga 31 Januari 2023, seramai **20,703** pencari kerja di bawah kategori Orang Kurang Upaya telah berdaftar dengan portal ini dan seramai **4,439 pekerja** Orang Kurang Upaya telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan.
4. Selain itu, Kementerian menerusi PERKESO turut melaksanakan Karnival Pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya. Sepanjang tahun 2022, terdapat **61** program temu duga khas bagi golongan Orang Kurang Upaya diadakan di seluruh Malaysia dengan jumlah kehadiran keseluruhan seramai **1,677**. Daripada jumlah tersebut, **416** Orang Kurang Upaya telah berjaya mendapat pekerjaan. Manakala seramai **566** Orang Kurang Upaya telah berjaya untuk ke sesi temu duga kedua.
5. Disamping itu, sebagai sokongan kepada golongan pencarum PERKESO yang hilangupaya untuk kembali bekerja, PERKESO melaksanakan Program *Return To Work* yang menggunakan pendekatan proaktif bagi membantu pekerja yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit untuk berdikari dan bergiat semula dalam dunia pekerjaan dengan selamat dan produktif. Program *Return To Work* yang diperkenalkan pada tahun 2007 telah memberi impak yang sangat positif kepada pencarum PERKESO yang menyertainya. Berdasarkan statistik, setakat 28 Februari 2023, seramai **54,945** orang peserta telah berjaya dibantu untuk kembali semula ke alam pekerjaan.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, di bawah Bajet 2023, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif Program Pasaran Buruh Aktif yang boleh dimanfaatkan oleh golongan Orang Kurang Upaya iaitu Pelanjutan Insentif Penggajian Secara Bersasar menerusi Program Daya Kerjaya yang membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar daripada kalangan belia yang lama menganggur dan golongan rentan seperti orang asli, wanita, Orang Kurang Upaya, miskin tegar, individu diparol, bekas banduan dan sebagainya. **Program Daya Kerjaya** dijangka akan memberi manfaat kepada **40 ribu orang dengan insentif RM 600 sebulan** selama tiga bulan untuk majikan yang mengambil pekerja dari kumpulan sasar ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah mekanisme yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menyimpan stok makanan yang tahan lama untuk lima tahun akan datang bagi berhadapan dengan krisis perubahan iklim.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah perubahan iklim khususnya untuk sektor pertanian merupakan isu global yang dihadapi oleh semua negara-negara di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Antara mekanisme yang diambil oleh Kementerian dalam menyimpan stok makanan sebagai langkah mitigasi dan adaptasi kepada perubahan iklim adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan **stok penimbang** seperti beras, ikan dan ayam yang bertujuan menampung keperluan dalam tempoh tertentu semasa negara menghadapi keadaan kecemasan seperti bencana alam, kemerosotan pengeluaran dan krisis di negara-negara pengeksport.
- b) Aplikasi kepada teknologi seperti **teknologi Individual Quick Freezing (IQF)** yang merupakan teknologi pemprosesan yang boleh menyimpan bahan segar bawah suhu negatif 18 darjah celcius. Penggunaan teknologi IQF berupaya memanjangkan tempoh jangka hayat bahan segar dari tujuh hari kepada dua tahun melibatkan ikan, buah tempatan seperti durian, nanas dan nangka dan **teknologi beku kering atau freeze dryer** dimana buah segar disejukkan sehingga 20 darjah celcius dalam mesin sejuk beku kering atau *freeze dryer*. Buah dikeringkan melalui proses sublimasi di mana ais ditukarkan kepada wap air di dalam kondisi vakum. Proses ini berlaku dalam tempoh lebih kurang 24 jam. Produk ini akan disimpan di dalam pembungkusan yang berkualiti dan berteknologi bagi menjamin kualiti dan jangka hayat produk. Antara

## NO SOALAN: 44

produk yang menggunakan kaedah ini adalah nangka, nanas dan pitaya. Tempoh jangka hayat antara 2- 3 tahun; dan

- c) **Memproses produk segar** khususnya buah-buahan melalui 14 pusat pemrosesan buah-buahan segar FAMA di seluruh negara antaranya di Chui Chak dan Batu Kurau, Perak serta Sungai Petani, Kedah. Kaedah ini bertujuan meningkatkan nilai tambah dengan jangka hayat produk dipanjangkan seperti dalam bentuk produk sejuk beku, produk proses dan produk hasilan segar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menyelesaikan isu pelajar-pelajar tajaan negara yang tidak mahu pulang untuk berkhidmat di dalam negara selepas mereka tamat belajar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Dewan Ynag Mulia, Kementerian Sumber Manusia menerusi Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bertindak sebagai **pemudah cara** dalam **usaha memperkasakan ekosistem bakat negara**. Menerusi mandatnya, TalentCorp **menumpukan usaha menarik, mewujud dan mendorong** tenaga kerja berkemahiran tinggi sama ada di Malaysia atau di luar negara.
2. Justeru itu, antara fokus utama TalentCorp adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi dan juga graduan Malaysia yang belajar diluar negara untuk pulang ke Malaysia. Ini kerana para pelajar yang sedang menuntut di luar negara dan para profesional di seberang laut merupakan **dengan izin talent pool** yang berpotensi tinggi memacu pembangunan ekonomi Malaysia.
3. Antara pelaksanaan program bersama sektor awam dan swasta dalam mengetengah serta mempromosikan peluang-peluang tersedia dalam negara khususnya bagi manfaat pelajar Malaysia di luar negara adalah seperti berikut:
  - i. KSM melalui TalentCorp Program pameran kerjaya secara maya bagi pelajar-pelajar Malaysia yang sedang belajar diluar negara bagi mempromosikan peluang-peluang kerjaya yang tersedia di Malaysia. Program ini adalah anjuran bersama diantara TalentCorp dengan Pejabat Kedutaan Malaysia di luar negara dan *Malaysian Student Association Abroad* ini melibatkan penyertaan Syarikat

Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat terkemuka negara seperti Petronas, Exxon, Celcom Axiata, Maybank Berhad, CIMB Bank, Shell Malaysia dan Khazanah Nasional Berhad. Program pameran kerjaya ini diadakan pada setiap tahun tertumpu kepada negara-negara **dengan izin *in demand*** contohnya Korea, Jepun, Jerman, Perancis, China, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Melalui usaha ini, pelajar-pelajar diharap akan diberi gambaran yang lebih jelas dan meningkatkan kesedaran para pelajar tentang prospek kerjaya di Malaysia yang semakin berkembang dan berdaya saing.

**ii. Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)**

Selain itu, TalentCorp juga berkolaborasi bersama Jabatan Perkhidmatan Awam menerajui inisiatif **dengan izin Scholarship Talent Attraction & Retention** yang berperanan untuk memudahkan cara transisi graduan tajaan Kerajaan yang tidak berpeluang mendapat penempatan pekerjaan di sektor awam untuk menyempurnakan ikatan perjanjian biasiswa bersama syarikat dan pemain industri terkemuka Malaysia. Sebagai usaha mengoptimumkan pulangan pelaburan Kerajaan, pelajar tajaan Kerajaan ini dilihat sebagai aset negara dan takungan bakat berkepentingan dalam membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah yang lebih mampan.

Sehingga Disember 2022, lebih 7,000 graduan Jabatan Perkhidmatan Awam kini berkhidmat bersama syarikat berdaftar **dengan izin Scholarship Talent Attraction & Retention** dengan kerjasama lebih 3,000 majikan berdaftar dan terlibat memantau pelaksanaan inisiatif ini bagi pihak TalentCorp dan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti PETRONAS, Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja, EY Malaysia, PwC Malaysia, Public Bank Berhad, CIMB Berhad, GAMUDA dan lain-lain lagi.

- iii. Disamping itu, Kementerian Sumber Manusia menerusi TalentCorp juga melaksanakan **dengan izin Semester Break Programme** Pelaksanaan program ini melibatkan pelbagai pemain industri sektor utama negara seperti sektor kewangan, perakaunan, kejuruteraan, minyak dan gas. Pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara yang sedang menikmati cuti penggal semester atau berpeluang menyertai program ini bagi manfaat pendedahan kepada peluang kerjaya dan maklumat industri bersama sektor utama negara. Antara elemen lain yang diserapkan dalam program ini termasuklah lawatan kerja, bengkel persediaan resumè dan sesi temuduga bersama industri.
- iv. **MyASEAN Internship Program**  
Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp turut melaksanakan program MyASEAN Internship diperkenalkan sebagai langkah bagi mempromosikan ASEAN dan Komuniti Ekonomi ASEAN khususnya kepada generasi muda Malaysia. Program ini menawarkan peluang kepada graduan untuk menjalani latihan industri bersama pemain industri terkemuka Malaysia seperti BDO Malaysia, Axiata, CIMB, Air Asia, Maybank, dan Nestle dirangkaian serantau ASEAN. Setakat ini, seramai 231 pelajar dan graduan ASEAN telah terlibat dalam program MYASEAN Internship bagi menimba pengalaman berharga ini di bandar-bandar berdaya maju termasuklah Kuala Lumpur, Bangkok, Jakarta dan Phnom Penh.

**NO SOALAN: 45**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN**  
**MOHAMAD**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memantau kenderaan melebihi muatan yang menggunakan jalan persekutuan dan negeri sehingga membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, salah satu tindakan utama yang dilaksanakan bagi menangani isu ini adalah dengan menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang melibatkan peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 48 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, pihak JPJ juga turut dibekalkan dengan 67 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut.
2. Sepanjang tempoh antara tahun 2018 sehingga September 2021, sejumlah 193,950 notis saman telah dikeluarkan dengan purata sebanyak 64,650 notis saman telah dikeluarkan setahun.
3. Di samping itu, Kementerian Pengangkutan bersama Kementerian Kerja Raya, sedang dalam proses akhir untuk membangunkan sistem "*High Speed - Weigh in Motion*" atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut perlu berhenti untuk ditimbang.

## **NO SOALAN: 46**

4. Sistem HS-WIM ini akan dipasang terus di atas jalan di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara. Sistem HS-WIM ini akan membolehkan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan 24 jam sehari, 365 hari setahun tanpa mengira waktu dan tidak terkesan dengan keadaan cuaca. Aspek integriti penguatkuasaan juga akan dapat ditingkatkan apabila proses penimbangan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara automasi sepenuhnya. Penggunaan sistem HS-WIM juga akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada jumlah tenaga manusia atau anggota penguatkuasaan yang tinggi. Anggota penguatkuasa akan boleh melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di lokasi-lokasi lain yang tidak dipasang sistem HS-WIM tersebut. Akhirnya, sistem HS-WIM ini dijangka dapat memperluaskan capaian, meningkatkan pematuhan dan memperkuuhkan lagi keberkesanan penguatkuasaan ke atas peraturan had muatan kenderaan motor.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK NORAINI IDRIS** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah aspek- aspek perundangan yang sedang diambil kira oleh Kerajaan dalam memuktamadkan secara teknikal rang undang-undang berkaitan dengan kawalan dana politik yang merupakan undang-undang penting yang perlu digubal di negara ini sebagai usaha memerangi perbuatan berunsur rasuah serta penglibatan wang haram khususnya dalam urusan perjalanan pilihan raya parti- parti politik.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited dalam membanteras rasuah dan politik wang. Dalam hal ini, Rang Undang-Undang (RUU) Dana Politik ini akan diangkat semula untuk kelulusan dasar baharu oleh Jemaah Menteri.
2. Susulan perkembangan politik pasca Pilihanraya Umum 15, landskap politik di Malaysia turut mengalami beberapa perubahan di mana terdapat gabungan politik yang baru. Oleh yang demikian, sesi libat urus perlu diteruskan untuk mendapatkan maklum balas parti-parti politik dan pihak berkepentingan, agar RUU yang bakal digubal ini adalah inklusif dan komprehensif.
3. Dalam hal ini, RUU Dana Politik akan dicadang untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) supaya semua Ahli-Ahli Dewan Rakyat boleh memberi pandangan dan cadangan supaya semua aspek yang penting berkenaan dana politik ini diambil kira.

4. Selain daripada RUU Dana Politik, Kerajaan juga akan mengambil kira amalan dan perundangan yang sedia ada untuk mengatasi isu dana politik, antaranya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5], Akta Pendaftar Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Kegiatan Haram 2001 [Akta 613].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW**

**TARIKH**

**4 APRIL 2023**

**TUAN ROBERT LAU HUI YEW** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah impak gajet pintar seperti telefon pintar dan komputer tablet terhadap penglibatan rakyat dalam bidang sukan, dan apakah usaha Kerajaan dalam menggalakkan rakyat menceburkan diri secara lebih giat dalam aktiviti sukan fizikal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM'22) oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada tahun 2022 menunjukkan 10.1% responden memperuntukan lebih daripada 4 jam sehari bagi mengakses skrin khususnya berkaitan ESport berbanding 14.6% responden pada tahun 2021.

Bagi menggalakkan rakyat untuk bersukan dan menggunakan kemudahan sukan di negeri-negeri, Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini dalam proses untuk membangunkan portal direktori kemudahan sukan, yang merupakan sistem tempahan kemudahan sukan secara atas talian. Portal ini dirancang untuk dilancarkan menjelang pertengahan tahun ini.

Di samping itu, Kementerian ini melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara telah mengambil inisiatif memperkasa pembangunan sukan untuk semua menerusi penganjuran pelbagai program di peringkat akar umbi bagi menggalakkan rakyat menceburkan diri secara lebih aktif dalam aktiviti sukan fizikal. Antara program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun ini adalah Hari Sukan Negara, Jelajah Fit Malaysia, Fit Komuniti, Aktif @ Luar Bandar dan Liga Sukan Komuniti yang mensasarkan lebih 4.5 juta penyertaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L**  
**NACHIAPPAN**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN** minta **PERDANA Menteri** menyatakan adakah terdapat inisiatif untuk mengadakan geran tambahan khusus bagi sukarelawan rakan NADMA yang bersama-sama membantu ketika bencana berlaku dan pasca bencana.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rakan NADMA diwujudkan sejak 2017 sebagai satu platform kerjasama di antara NADMA dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam aktiviti pengurusan bencana. Platform ini adalah manifestasi Kerajaan akan keperluan dan kepentingan penglibatan NGO dalam pengurusan bencana secara menyeluruh “*whole of society approach*”.
2. Antara objektif pewujudan platform ini adalah untuk membina hubungan strategik di antara NADMA dan NGO sebagai cara menyebarluaskan kepentingan kerjasama dalam kitaran pengurusan bencana. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut:
  - i. Penglibatan dalam bengkel, taklimat dan mesyuarat yang dianjurkan oleh NADMA dari semasa ke semasa.
  - ii. Penglibatan dalam latih amal pengurusan bencana.
  - iii. Penglibatan dalam program peningkatan kapasiti yang dianjurkan oleh NADMA atau dianjurkan oleh NGO Rakan NADMA.
  - iv. Penglibatan wakil NGO di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat dan PKOB Negeri untuk membantu penyelarasaran bantuan oleh NGO.

- v. Melaksanakan Program *Community Based Disaster Risk Management* (CBDRM) di seluruh negara.
- vi. Perkongsian maklumat berkaitan bencana dari semasa ke semasa.

NADMA tidak memberikan sebarang bantuan geran khusus bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti pengoperasian NGO memandangkan pihak NGO bergerak atas kapasiti dan kemampuan sendiri melalui sumbangan dana yang diterima melalui ahli-ahli, orang perseorangan dan tajaan pihak korporat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah kes kebocoran data peribadi yang telah dilaporkan pada tahun 2022 dan sejauh manakah Akta Perlindungan Data Peribadi dapat melindungi mangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 546 aduan telah diterima oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 208 aduan adalah di bawah bidang kuasa Akta 709 dan 338 aduan adalah di luar bidang kuasa Akta 709 kerana melibatkan isu seperti penipuan data (*scam*) di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan data Kerajaan di bawah bidang kuasa Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah digubal pada tahun 2010 dan dikuatkuasakan mulai 15 November 2013 adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh syarikat/organisasi/agensi demi melindungi kepentingan individu. Antara perlindungan yang diberi oleh Akta berkenaan termasuk:

- (i) Syarikat/organisasi/agensi adalah bertanggungjawab untuk mematuhi tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi, kod tataamalan dan standard perlindungan data peribadi yang ditetapkan bagi memastikan data peribadi yang diproses adalah selamat dan seterusnya mengurangkan risiko kebocoran data;

**NO SOALAN: 50**

- (ii) Syarikat/organisasi/agensi yang melanggar mana-mana di antara tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 5(2) Akta 709 dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM 300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya; dan
- (iii) Sekiranya seseorang individu itu mendapati data peribadinya disalahgunakan oleh individu atau syarikat dalam transaksi komersial, beliau boleh membuat aduan terus kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dan siasatan lanjut akan dibuat oleh JPDP.

Dari sudut perlindungan kepada mangsa, rakyat yang terkesan boleh mengambil tindakan litigasi sivil terhadap syarikat/organisasi/agensi yang cuai semasa mengendalikan data dalam pemilikan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L**  
**RENGANATHAN**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tahap kejayaan yang telah diperolehi Akademi Mokhtar Dahari di Gambang, Pahang dan Akademi Badminton Malaysia di Bukit Kiara dalam membangunkan atlet-atlet bertaraf dunia selama pengendalian akademi-akademi tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD) dan Akademi Badminton Malaysia (ABM) merupakan akademi sukan prestasi tinggi negara yang bertanggungjawab memastikan negara mempunyai barisan atlet pelapis berkualiti bagi menggantikan atlet senior selepas bersara nanti.

AMD menempatkan pemain-pemain berkualiti daripada Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) yang berumur antara 13 hingga 17 tahun. Sejak bermulanya program AMD pada tahun 2018, seramai 165 graduan telah berjaya dilahirkan dan semua mereka telah menandatangani kontrak dengan kelab bola sepak tempatan dan antarabangsa. Pencapaian terbaik AMD antaranya boleh diukur dengan kejayaan beberapa pemain seperti berikut:

- (a) Luqman Hakim Shamsudin bersama kelab KV Kortrijk di Belgium dan kini dipinjamkan ke kelab UMF Njardvík di Iceland;
- (b) Dua pelatih AMD Generasi 2005 telah menerima tawaran kelab Racing Union di Luxemborg; dan
- (c) Arif Aiman Hanapi yang kini bermain di kelab Johor Darul Takzim (JDT).

## **NO SOALAN: 51**

ABM pula menempatkan pemain-pemain terbaik negara di peringkat Pelapis Kebangsaan dan Senior untuk menjalani program latihan atlet secara sepenuh masa di bawah bimbingan jurulatih-jurulatih yang dilantik oleh Persatuan Badminton Malaysia. Antara pencapaian membanggakan atlet-atlet ABM adalah seperti berikut:

- (a) gandingan Aaron Chia Teng Fong/Soh Wooi Yik yang berjaya dinobatkan sebagai Juara Dunia 2022 setelah memenangi pingat emas di Kejohanan Badminton Dunia BWF di Tokyo, Jepun pada 21 hingga 28 Ogos 2022. Beregu ini juga yang pertama kali menyertai Sukan Olimpik di Tokyo pada tahun 2021 berjaya memenangi pingat Gangsa;
- (b) gandingan Pearly Tan dan Thinaah berjaya menjuarai beberapa kejohanan seperti Kejohanan Terbuka Switzerland dan Kejohanan Terbuka Perancis 2022 selain memenangi pingat emas di Sukan Komanwel Birmingham 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK**

**TARIKH**

**4 APRIL 2023**

**TUAN AK NAN A/L EHTOOK** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap kesiapsiagaan Hospital Tumpat dan Hospital Kajang dari segi keupayaan kakitangan dan kecukupan peralatan untuk merawat pesakit dan mengurangkan tempoh berada di hospital.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Tumpat adalah di bawah Hospital Kluster Kelantan Utara bersama Hospital Raja Perempuan Zainab II, Hospital Pasir Mas dan Hospital Tengku Anis. Manakala, Hospital Kajang adalah di bawah Hospital Kluster Selangor Selatan bersama Hospital Serdang, Hospital Ampang dan Hospital Cyberjaya.
2. Hospital-hospital ini boleh meningkatkan sumber dalam pemberian dan perkembangan perkhidmatan melalui inisiatif Hospital Kluster. Inisiatif ini adalah satu transformasi penyampaian perkhidmatan perubatan yang menggabungkan hospital-hospital berpakar dan tanpa pakar mengikut lokasi geografi yang berdekatan. Melalui inisiatif Hospital Kluster:
  - i. Perkhidmatan kepakaran dapat diberikan kepada pesakit luar bandar tanpa perlu dirujuk ke hospital berpakar, seterusnya dapat mengurangkan masa menunggu pesakit untuk dilihat oleh doktor pakar. Secara lazimnya, melalui inisiatif Kluster, pakar perubatan dapat ditempatkan di hospital tanpa pakar secara penggiliran bagi tempoh yang lebih lama. Ini membolehkan hospital tanpa pakar mempunyai perkhidmatan kepakaran dengan pemantauan daripada doktor pakar secara tetap sebagaimana hospital yang mempunyai pakar residen bagi memenuhi keperluan dan memastikan kesinambungan rawatan yang lebih efektif.

- ii. Mengurangkan masa menunggu pesakit bagi prosedur kepakaran tertentu yang boleh dijalankan di hospital tanpa pakar. Sebagai contoh, Hospital Kluster Tengku Ampuan Najihah (bersama Hospital Tampin dan Hospital Jempol) berjaya mengurangkan masa menunggu pembedahan katarak dari enam minggu kepada empat minggu;
- iii. Mengurangkan kesesakan dan kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate- BOR*) di hospital *lead* (hospital pakar), seterusnya meningkatkan kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate*) di hospital *non-lead* (hospital tanpa pakar) kepada purata BOR sebanyak 65%;
- iv. Perkongsian dan pengoptimuman sumber-sumber seperti sumber manusia, peralatan, fasiliti dan lain-lain dapat dilaksanakan dengan lebih efisien di antara hospital-hospital berkenaan; dan
- v. Pengurangan belanja mengurus hospital dengan perolehan secara berpusat di peringkat Hospital Kluster, seperti perolehan ubatan, aset pakai buang (*consumables*) dan penyelenggaraan peralatan perubatan. Ini seterusnya dapat mengurangkan kos merawat pesakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ  
IBRAHIM**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pengurangan kadar cukai pendapatan individu memberi manfaat kepada golongan M40 dan apakah akan ada penambahbaikan yang lebih adil kepada golongan M40 selaras dengan ikrar Kerajaan untuk membantu golongan M40.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya peka mengenai kesan kenaikan kos sara hidup ke atas sebahagian besar rakyat negara ini. Justeru, langkah penurunan kadar cukai pendapatan individu pemastautin sebanyak 2 mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai RM35,001 hingga RM100,000 dapat memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM300 hingga RM1,300 setahun kepada pembayar cukai dalam kumpulan M40 kira-kira seramai 2.4 juta pembayar cukai.

Selain penurunan kadar cukai, pelbagai pelepasan cukai individu telah diberikan seperti pelepasan untuk diri sendiri berjumlah RM9,000. Tambahan lagi, pelepasan cukai turut diberikan kepada anak mengikut jumlah bilangan anak serta lain-lain perbelanjaan yang ditanggung seperti perubatan, gaya hidup, yuran anak ke tadika, potongan KWSP dan lain-lain. Pelepasan cukai yang diberikan dapat membantu kumpulan M40 untuk mengurangkan jumlah bayaran cukai pendapatan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan boleh guna. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga akan sentiasa berusaha mencari kaedah terbaik bagi membantu rakyat dalam mendepani cabaran inflasi dan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI VELL PAARI A/L TUN  
SAMY VELLU**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha pihak Kementerian dalam mempromosikan gaya hidup sihat melalui sukan dan ketersediaan pihak Kementerian untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Budaya Sukan Malaysia 2022 (IBSM'22) yang merupakan mekanisme pengukuran penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan mendapati bahawa skor kadar keaktifan meningkat sederhana pada tahap 73.3% untuk tahun 2021 kepada 79.3% pada tahun 2022.

Skor berkenaan menunjukkan bahawa penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan masih berada pada landasan yang baik dan boleh dipertingkatkan lagi dengan kerjasama melibatkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak korporat, persatuan sukan dan individu.

Program-program sukan dan gaya hidup sihat yang dilaksanakan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) khususnya di peringkat komuniti dan akar umbi sentiasa bersifat inklusif melibatkan pelbagai golongan dan kawasan. Kementerian ini turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dalam menerapkan pembudayaan hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Sokongan KBS terhadap ANMS dijelmakan melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal di peringkat kementerian dan agensi serta melaksanakan pelbagai aktiviti sukan, rekreatif dan kecergasan melibatkan pelbagai golongan termasuk orang kurang upaya, warga emas dan wanita.

Komitmen KBS untuk menjayakan ANMS direalisasikan melalui usaha-usaha seperti berikut:

1. mengadakan promosi ANMS secara meluas melalui hebahan platform media KBS seperti laman sesawang, poster, *banner* di peringkat Kementerian dan Agensi;
2. melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan di semua peringkat bagi melahirkan masyarakat yang menjalani gaya hidup aktif dan cergas;
3. melibatkan *Wellness on Wheel* (WOW) ANMS dalam penganjuran aktiviti sukan di pelbagai peringkat; dan
4. menyediakan program khusus untuk penjagaan kesihatan bagi mendidik masyarakat akan kepentingan gaya hidup sihat seperti program pengurusan berat badan melalui FitMalaysia X, *Fit2Work* dan *Women's Health & Wellness*;

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI**  
**TARIKH : 4 APRIL 2023**

**DATUK PAUL IGAI** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan tentang isu aktiviti ketenteraan Amerika Syarikat dan China yang berlaku di Laut China Selatan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR  
MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai di atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keberadaan aset ketenteraan Amerika Syarikat dan China di Laut China Selatan adalah mengikut kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *Freedom of Navigation and Airspace* yang diperuntukkan mengikut undang-undang antarabangsa, dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)* 1982.
  
3. Polisi luar negara Malaysia sentiasa mengamalkan konsep yang mengutamakan kepentingan dan kedaulatan negara termasuklah hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran di peringkat antarabangsa.

4. Dalam hal ini, Malaysia akan terus melaksanakan dasar dan pendekatan tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain serta mengambil pendirian yang seimbang, berkecuali dan pragmatik. Malaysia sentiasa memastikan hubungan komunikasi bersama kedua-dua kuasa besar dunia ini sentiasa terbuka, dan menyelesaikan isu-isu berkepentingan bersama menerusi dialog sedia ada.
5. Dalam pertemuan-pertemuan di antara pegawai tertinggi Kementerian Luar Negeri dengan pihak Amerika Syarikat dan China, Malaysia menyampaikan pandangan agar negara-negara kuasa besar dapat mengelak daripada mengambil tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, serta tindakan berkaitan ketenteraan, yang boleh merumitkan lagi dan meningkatkan ketegangan di Laut China Selatan.
6. Oleh itu, dalam perbincangan-perbincangan dua hala yang menyentuh isu Laut China Selatan antara Kementerian Luar Negeri bersama pihak China, Malaysia secara konsisten menyuarakan bantahan terhadap pencerobohan aset-aset kerajaan asing di perairan negara, selain menekankan supaya setiap negara memainkan peranan dalam bekerjasama untuk mengelakkan sebarang tindakan yang boleh meningkatkan ketegangan.
7. Sebagai salah satu langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002. Selaras dengan persetujuan di bawah DOC tersebut,

negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, “*self-restraint*” dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Laut China Selatan, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

8. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejedis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.
9. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.